

Bunga ganja ditinggal dalam sampan kayu

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan menyeludup dadah jenis bunga ganja seberat 67.48 kilogram yang dianggarkan bernilai lebih RM6.2 juta di kawasan Tambak Persisiran Pantai Bukit Putih, Kuala Perlis, Perlis, bulan lalu.

Pengarah Kastam Kedah Wan Marini Wan Hamzah berkata, serbuan berasas-

kan maklumat risikan itu dilakukan sepasukan pegawai Cawangan Penguatkuasaan Marin Langkawi bersama pasukan elit *Customs Operational Battle Force Response Assault (COBRA)* pada 10 malam.

"Hasil serbuan menemui sebuah sampan kayu yang ditinggalkan bersama empat beg guni bertudisan Thailand. Pemeriksaan lanjut ke atas beg berke-

naan menemukan sejumlah besar bahan disyaki dadah jenis bunga ganja.

"Keseluruhan rampasan membabitkan sebanyak 67.48 kilogram bunga ganja dengan nilai anggaran sebanyak RM6,209,816," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, dadah itu dipercayai diseludup dari negara jiran menggunakan sampan kayu.

Wan Marini turut menggesa orang ramai membantu JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercua, dadah dan kenderaan.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya. - Bernama